

02/07/1999

PM disambut meriah di Permatang Pauh (HL)

M Thillinadan; Ridzuan Yop

BUKIT MERTA JAM, Khamis - Hujan lebat petang semalam tidak menghalang beribu-ribu penduduk kawasan ini menyambut kedatangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di majlis Perhimpunan Bersama Rakyat di padang Sekolah Menengah Guar Perahu, di sini.

Lebih 25,000 orang membanjiri padang sekolah itu walaupun terpaksa berdiri dalam hujan lebat. Ribuan lagi tidak sempat tiba untuk mendengar amanat Dr Mahathir kerana hujan lebat menyebabkan kesesakan sepanjang lapan kilometer.

Guar Perahu yang dalam kawasan Parlimen Permatang Pauh adalah juga 'kubu kuat' Datuk Seri Anwar Ibrahim yang menjadi Ahli Parlimennya sejak 1982.

Turut hadir di majlis itu Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi; Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon; Menteri Penerangan, Tan Sri Mohd Khalil Yaacob; dan pemimpin parti komponen Barisan Nasional (BN) lain.

Dalam ucapannya, Dr Mahathir berkata, kerajaan BN tidak akan tunduk atau menyerahkan negara ini kepada kuasa asing sekali lagi.

Katanya, perjuangan BN ialah untuk membebaskan negara daripada ancaman orang asing.

"Orang Melayu perlu sedar, orang asing ini apabila sudah berkuasa akan berusaha untuk menghapuskan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang digunakan kerajaan untuk menyusun semula masyarakat.

"Jika ini dibiarkan berlaku, orang Melayu akan menderita dan menjadi miskin. Mereka akan iri hati terhadap kaum lain dan ini akan diikuti rusuhan kaum," katanya ketika berucap di Majlis Perhimpunan Pemimpin Bersama Rakyat di padang Sekolah Menengah Guar Perahu, di kawasan Parlimen, Permatang Pauh, dekat sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata, peristiwa pahit yang dialami Indonesia sepatutnya menjadi pengajaran kepada rakyat Malaysia.

"Kuasa asing ini memasuki Indonesia dengan alasan untuk membantu, kemudian menjadikan rakyatnya miskin dan menderita sehingga tidak ada wang untuk beli makanan, ubat atau susu untuk anak.

"Rakyat apabila gelisah dan tertekan sanggup merompak, merusuh dan membunuh. Ini juga boleh berlaku di Malaysia, tetapi tindakan pantas BN berjaya menghalang kuasa asing menguasai kita," katanya.

Oleh itu, katanya, rakyat perlu berfikir apabila tiba pilihan raya nanti, sama ada memilih parti yang dipengaruhi kuasa asing atau parti yang sanggup mempertahankan maruah dan kemerdekaan negara.

Dr Mahathir mengingatkan, parti pembangkang yang terdiri Pas, DAP dan KeADILan mendapat sokongan kuasa asing dalam usaha menjatuhkan BN.

Beliau berkata, parti pembangkang sudah dikuasai oleh kuasa asing yang bercita-cita bukan saja menjatuhkan BN, tetapi untuk menjajah negara ini.

"Dulu mereka (kuasa asing) cuba menggunakan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) dan Bank Dunia untuk menguasai ekonomi kita. Tetapi apabila kita enggan tunduk, mereka menggunakan pakatan pembangkang.

"Mereka sedia lakukan apa saja supaya pembangkang menang dan BN kalah, supaya dengan cara itu mereka boleh menguasai bukan saja ekonomi, tetapi juga politik kita.

"Mereka (kuasa asing) mahu pembangkang menang kerana mereka tahu parti pembangkang kita lemah, mudah dipaksa supaya tunduk kepada tuntutan mereka yang bercita-cita untuk menjajah semula negara-negara serantau.

"Oleh itu, menyokong atau mengundi parti pembangkang sama seperti

menyokong kuasa asing menjajah kita semula. Kita tahu itulah cita-cita mereka untuk menguasai ekonomi dan politik Malaysia," katanya.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata, beliau tidak memusuhi orang asing yang berniat baik untuk membantu memajukan ekonomi negara.

Beliau berkata, kritiknya terhadap kuasa asing yang cuba menguasai ekonomi Malaysia, tidak sepatutnya disalahtafsirkan sebagai membenci orang asing.

"Saya tidak bermusuhan dengan orang asing yang baik, hanya penyangak yang cuba menjatuhkan ekonomi dan menjajah semula negara kita.

"Kita mesti membezakan antara orang asing yang baik dengan penyangak. Kita mahu pelaburan asing, tetapi jangan campur tangan dalam urusan rumah tangga kita," katanya.

(END)